

PM umum insentif sempadan, pengecualian visa untuk negara tertentu

Pelancong China, India tidak perlu visa

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia mengumumkan beberapa langkah penambahbaikan dalam hubungan dengan negara jiran dan beberapa negara Asia lain termasuk mengecualikan visa bagi pelawat dari China dan India.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim berkata, pelawat dari China dan India dikecualikan visa 30 hari selain dari Turkiye serta Jordan mulai 1 Disember ini.

Bagaimanapun beliau memberi jaminan tapisan keselamatan teliti akan dilakukan agar tiada kebocoran kemasukan melibatkan penjenayah dan penganas.

“Langkah ini bakal beri lonjakan dalam hubungan dan kerjasama strategik,” katanya yang juga Presiden PKR ketika berucap pada penggulungan Kongres Nasional Tahunan Ke-17 parti itu di sini, semalam.

Inisiatif berkenaan katanya, selaras ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik dengan China dan negara-negara sa-

habat di Asia Barat untuk datang bercuti di Malaysia.

Terdahulu, beliau umumkan hubungan dengan Singapura dipertingkatkan lagi malah sentimen prasangka isu lama yang pernah berlaku sebelum ini akan dibenamkan.

Bersambung di muka 2